UUM/DA49/BH/11.10.2005/p: 7 (5)

UUM mahu buat kajian hasilkan produk akademik

BH 11/10/05
7:5

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) akan menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan produk akademik selaras dengan penubuhannya sebagai universiti pengurusan, pada masa depan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) universiti itu, Prof Madya Dr Abdul Halim Ahmad, berkata kejayaan UUM pada Pameran Penyelidikan dan Pembangunan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2005, baru-baru ini, adalah inspirasi awal ke arah itu.

"Kejayaan ini juga menggerakkan budaya penyelidikan dan inovasi di Kampus Sintok, selain sebagai salah satu 'niche area' UUM dalam memberi tumpuan terhadap bidang teknologi komunikasi dan maklumat," katanya.

Pada pameran tiga hari berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, UUM meraih 13 pingat daripada 20 penyertaannya, iaitu satu emas, tiga perak dan sembilan gangsa.

Pingat emas diperoleh menerusi penyelidikan bertajuk "EInfoC: A Model for Publishing and Marketing ePublication" oleh Prof Madya Dr Norshuhada Shiratuddin, Prof Madya Shahizan Hassan dan Syamsul Bahrin Zaibon.

Perak pula menerusi "PEST Activity Prognosis in Rice Field Using Fussy Expert Approach" (Prof Madya Fadzilah Siraj dan Nureize Arbaiy), "Fuzzy Expert Advisory for E-Counselling" (Prof Madya Fadzilah Siraj dan Taniza Tajuddin) dan "Prototaip Permodelan AUTOCAD kepada Persekitaran Maya dan Imej Fotografi" (Zakirah Othman).

Sementara gangsa pula menerusi "Assisting Restorative Dentistry Learning and Training by Means of Web3D Solution" (Nur Fadziana Faisal Mohamed), "A Virtual Building Visualisation System" (Prof Madya Abdul Nasir Zulkifli dan Nur Fadziana Faisal Mohamed).

"WEBIC: A Web Based Business Insolvency Classifier Using Neural Networks" (Prof Madya Fadzilah Siraj, Prof Madya Azizi Zakaria dan Azizi Ab Aziz), "ICOSYS 2: Server-Based Open System Services Implementation" (Prof Madya Dr Suhaidi Hassan, Ahmad Hanis Mohd Shabli, Fazli Azzali dan Amran Ahmad).

Mengenai pameran itu, Dr Abdul Halim berkata, ia dapat mempromosikan inovasi dihasilkan penyelidik, selain meningkatkan keyakinan masyarakat dan pihak swasta terhadap kepakaran serta kemudahan penyelidikan di IPTA.

Beliau berkata, program berkenaan juga secara tidak langsung memasarkan kepakaran penyelidikan yang kompetitif kepada pasaran dalam dan luar negara.